

Perhebat bantu ekonomi Melayu

M.M 11/3/07 MS12

KUALA LUMPUR 10 Mac - Pergerakan Pemuda UMNO mahu gerakan meningkatkan ekonomi orang Melayu diperhebatkan lagi kerana tempoh Malaysia untuk mencapai Wawasan 2020 semakin dekat.

Ketuanya, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, Pemuda khawatir jika perkara itu tidak diambil perhatian sewajarnya orang Melayu akan terus ketinggalan walaupun pada ketika ini Malaysia telah diiktiraf sebagai sebuah negara maju.

Dalam tempoh tidak sampai 15 tahun lagi, kita sebenarnya tidak banyak masa untuk menggerakkan usaha meningkatkan ekonomi orang Melayu. Mahu tidak mahu semua pihak perlu menggemblengkan tenaga.

"Jika tidak, orang Melayu nanti akan terus ketinggalan. Kita tidak mahu perkara ini berlaku. Apa yang kita mahukan ialah orang Melayu mesti maju sejajar dengan kemajuan negara pada tahun tersebut," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis penutup Kongres Jihad Ekonomi yang bertemakan 'Menerajui penghijrahan minda bangsa Melayu' di sini, hari ini.

Kongres dua hari itu dianjurkan oleh Gagasan Badan Ekonomi Melayu (Gabem), Pergerakan Pemuda UMNO dan Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (Yadim).

Dalam pada itu Hishammuddin berkata, perkataan jihad pada kongres itu mampu

menyedarkan masyarakat Melayu bahawa Islam menuntut penganutnya maju termasuk dalam bidang ekonomi.

"Sekurang-kurangnya dengan perkataan jihad orang kita akan lebih sedar pentingnya usaha untuk memajukan diri. Yang jelasnya ia bukan sahaja saranan daripada kerajaan tetapi agama juga turut menuntut kita mencapai kemajuan dalam pelbagai bidang.

"Saya yakin jika perkataan jihad ini dihayati sepenuhnya, kongres yang diadakan ini mampu memberi satu impak dalam usaha kita memajukan orang Melayu," ujarnya.

Pada sidang akhbar selepas itu, Hishammuddin berkata, Pemuda dan Gabem akan terus menjalin kerjasama khususnya yang berkaitan ekonomi orang Melayu.

Sementara itu Pergerakan Pemuda UMNO dan Gagasan Badan Ekonomi Melayu (Gabem) mencadangkan kepada kerajaan supaya menubuhkan sebuah syarikat yang membekalkan bahan-bahan binaan bagi mengelakkan masalah ketirisan kontrak.

Pengerusi Biro Ekonomi Pemuda, Datuk Reezal Merican Naina Merican berkata, langkah itu perlu ekoran masalah ketirisan kontrak sering berlaku di kalangan kontraktor bumiputera di negara ini.

Beliau berkata, berdasarkan pengamatan sebelum ini, antara masalah ketirisan adalah disebabkan kontraktor bumiputera tidak

mampu membeli bahan binaan kerana harganya terlalu tinggi.

"Ini kerana pihak yang menguasai penjualan bahan binaan boleh menetapkan harga mereka sendiri. Tambahan pula negara kita tidak mempunyai syarikat besar milik kerajaan dalam perniagaan itu. Sebenarnya kontraktor kita tersepit," katanya selepas majlis penutup kongres itu.

Katanya, sifat syarikat yang disyorkan penubuhannya itu ialah syarikat tujuan khas dan ia diterajui oleh sebuah syarikat milik kerajaan (GLC) seperti Petronas.

"Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) kos bahan binaan dianggarkan RM100 bilion. Nilainya amat besar, oleh itu kerajaan perlu segera menubuhkan sebuah syarikat untuk membekal bahan binaan ini.

"Penubuhannya bukan untuk bersaing tetapi sebagai pelengkap sekali gus menstabilkan harga bahan binaan di negara ini," ujarnya.

Beliau berkata, kerajaan perlu mengambil perhatian syor itu kerana ia salah satu isu paling hangat dibincangkan dalam kongres berkenaan.

"Dalam resolusi kongres yang akan diserahkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, ia turut mengandungi perkara tersebut. Ini masalah serius dan ia perlu diatasi segera demi masa depan kontraktor bumiputera kita," tambahnya.